




UPM Cipta Dua Perisian Baharu 'Adakah Anda Seorang Melayu?' dan 'Retrotext-E.10'



Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bersama penyelidik UPM

SERDANG, 17 Ogos - Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mencipta dua perisian iaitu 'HB Melayu-Sejauh Mana Anda Melayu?' bagi mengenalpasti seseorang yang mempunyai hati budi Melayu dan perisian Retrotext-E 1.0 bagi membantu pengajaran dan bahan pembelajaran dalam buku teks.


Ketua Penyelidik Prof. Dr. Hashim Musa berkata perisian HB Melayu-Sejauh Mana Anda Melayu memerlukan responden menjawab set soalan bagi mengukur teras hati budi Melayu berdasarkan komponen didikan, ilmu, nilai dan agama yang menerapkan 26 teras hati budi kaum Melayu.



Prof. Dr. Hashim Musa

"Perisian ini dibina untuk mengukur secara sendiri sifat dan hati budi orang Melayu, melalui pepatah, peribahasa serta pantun. Sebanyak 200 soalan perlu dijawab untuk menentukan seseorang itu mempunyai ciri-ciri unggul bangsa Melayu,"

"Perisian ini secara automatik akan memberikan markah dan menjumlahkan skor keseluruhan," katanya pada sidang media Produk Baharu UPM anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti (RMC) dan Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) di sini.



Prof. Madya Dr. Jayakaran Mukundan

Beliau berkata perisian yang dibangunkan dalam bentuk careka padat dan laman web itu merupakan alat pengukur utama yang mampu mengenalpasti kelemahan orang Melayu pada masa kini.

“Ini dapat membantu pihak yang terlibat dalam pembangunan sumber manusia dan modal insan bagi melaksanakan program latihan, motivasi, bengkel dan seminar bina insan yang sesuai dengan keperluan,” katanya yang dibantu oleh penyelidik Dr. Normahdiah Sheik Said, Siti Sarah Ab. Karim dan Rozita Che Rodi dari Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM.



Sementara itu, produk Retotext-E 1.0 adalah perisian bagi membantu pengajaran dan bahan pembelajaran dalam buku teks untuk meningkatkan profesionalisma warga pendidik.

Ketua penyelidik, Prof. Madya Dr. Jayakaran Mukundan berkata produk itu memudahkan penyimpanan rekod metodologi pengajaran atau penilaian bahan pembelajaran untuk kegunaan dalam kelas.

“Perisian ini menganalisa secara automatik keupayaan ‘concordance’ (menganalisa perbendaharaan kata), senarai semak elektronik dan log guru elektronik,” katanya pada majlis yang sama.

Beliau dibantu oleh penyelidik lain iaitu Vahid Nimehchisalem, Norwati Roslim, Alif Fairus Nor Mohamad dan Ng Yu Jin dan Hong Siaw Swin.

Kelebihan produk itu dapat membantu pendidik mengadaptasi dan mengenalpasti bahan-bahan mengajar, meningkatkan perkembangan profesionalisma perguruan dan pengetahuan asas komputer.

“Produk ini boleh diaplikasikan dalam industri pendidikan. Sasaran pengguna adalah

kepada penulis bahan pembelajaran dan pengajaran, syarikat penerbitan, pusat bahasa antarabangsa, Kementerian Pelajaran dan pendidikan," katanya.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Noor Eszereen Juferi, 03-89466013, Fotografi Marina Ismail, 03-89466199).

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia